

PILIH JAWAPAN YANG TEPAT BAGI SITUASI DAN PERMASALAHAN DI BAWAH.

1. Seorang lelaki keluar air mani selepas bermimpi ketika tidur.
2. Seorang wanita selesai haid dan ingin menunaikan solat.
3. Seorang pelajar membuang air kecil sebelum solat.
4. Seorang wanita melahirkan anak dan keluar darah nifas.
5. Seorang lelaki kentut ketika menunggu waktu solat.
6. Seorang pelajar tersentuh anjing yang basah.
7. Pakaian seorang pelajar terkena air kencing kucing.
8. Telekung Puan Amina terkena air kencing anak lelakinya yang berusia 1 tahun dan hanya minum susu ibunya sahaja.
9. Seorang lelaki menyentuh darah yang keluar dari luka.
10. Tangan Aiman terkena air liur anjing.
11. Seorang wanita keluar darah haid ketika waktu solat.
12. Seorang pelajar tidur lena ketika menunggu untuk menunaikan solat isyak.
13. Seorang lelaki mendapati terdapat cecair putih jernih pada seluarnya disebabkan melihat video tidak bermoral.
14. Pakaian terkena tahi manusia.
15. Seorang wanita selesai nifas tetapi belum mandi wajib.
16. Seorang pelajar memegang bangkai tikus.
17. Seorang bayi perempuan berusia 1 tahun 6 bulan yang hanya menyusu dengan ibunya sahaja kencing di tilam.
18. Seorang pelajar berwuduk kemudian membuang air besar.
19. Seorang suami tersentuh tangan isterinya tanpa lapik setelah selesai mengambil wuduk.
20. Pakaian terkena muntah bayi.

21. Seorang wanita pengsan seketika.
22. Air kencing bayi lelaki yang hanya minum susu ibu terkena baju.
23. Seorang lelaki menyentuh najis babi.
24. Seorang pelajar keluar air wadi selepas mengangkat barang berat.
25. Kasut yang dipakai oleh Faqihah terkena najis anjing